



FORUM SERANTAU ASIA-PASIFIK

14-15 JUN 2022

**MENILAI
MEMIKIRKAN SEMULA
MENAMBAHBAIK**

**ULANGTAHUN KE-30
DEKLARASI PBB
MENGENAI HAK
MINORITI
1992-2022**

UNITED NATIONS
HUMAN RIGHTS
SPECIAL PROCEDURES
SPECIAL RAPPORTEURS, INDEPENDENT EXPERTS & WORKING GROUPS
L'Appenteur spécial des Nations Unies pour les questions relatives aux minorités
Special Rapporteur on Minority Issues

**TOM
LANTOS
INSTITUTE**

Jemputan Penyertaan

Ketika golongan minoriti di seluruh dunia menghadapi cabaran yang semakin getir, Forum Serantau Asia-Pasifik menandakan ulangtahun ke-30 Deklarasi PBB mengenai Hak Individu yang Mempunyai Kewarganegaraan atau Etnik, Agama atau Bahasa Minoriti dengan mengambil pendekatan untuk menilai secara kritis kapasiti menyelesaikan masalah melalui analisa jurang (*gap analysis*) dengan memberikan tumpuan terhadap kerangka normatif, institusi dan mekanisme yang memudahkan cara pelaksanaan, dan keberkesanan penglibatan minoriti di dalam membentuk norma dan pematuhan norma. Tujuan forum ini adalah untuk menghasilkan cadangan-cadangan yang konkrit untuk menambahbaik mekanisme perlindungan minoriti di peringkat serantau dan antarabangsa.

Pada 1992, UNDM telah diterima sebagai respon terhadap penajaran semula orde antarabangsa susulan dari tamatnya Perang Dingin dan keruntuhan Kesatuan Soviet. ‘Nasib golongan minoriti’ telah dipertaruhkan, senada dengan resolusi yang dibuat oleh Perhimpunan Agung PBB pada 1948 mengenai isu penting yang menjadi kegusaran global ini. Ulangtahun ke-30 UNDM ini merupakan peluang kepada semua yang mengikuti isu ini untuk mendapatkan perkembangan mengenai keadaan terkini perlindungan hak minoriti, mengenalpasti jurang dalam mekanisme perlindungan minoriti, dan menilai kesan jurang tersebut dalam mencetuskan ancaman terhadap minoriti dan perlindungan hak mereka, serta memberikan cadangan untuk melangkah ke hadapan. Sudah tiba masanya untuk ‘Menilai, Memikirkan Semula, Menambahbaik’ (*Review, Rethink, Reform*) pengiktirafan antarabangsa, perlindungan dan promosi hak minoriti untuk mendapat kehidupan yang terjamin dan dunia yang adil.

Nota konsep yang lengkap untuk Forum Serantau 2022 boleh didapati di [pautan ini](#).

Objektif

Forum Serantau Asia-Pasifik ini bakal menyediakan pandangan serantau, yang akan dimasukkan ke dalam kerja bertema Pelapor Khas (*Special Rapporteur*) untuk

laporannya bagi sesi ke-52 Majlis Hak Asasi Manusia PBB pada Mac 2023. Tambahan pula, perbincangan ini akan menyumbang kepada gerak kerja dan syor-syor di dalam sesi ke-15 Forum mengenai Isu Minoriti yang akan berlangsung pada Disember 2022.

Objektif khusus termasuklah:

- Mengenalpasti bagaimana untuk menambahbaik mekanisme global dan serantau mengenai perlindungan minoriti (norma, institusi, mekanisme) supaya menjadi lebih berkesan untuk mencegah dan menangani perlanggaran hak minoriti domestik dan mempromosi hak minoriti;
- Menilai bagaimana forum serantau dapat merapatkan jurang antara rejim perlindungan di peringkat domestik, serantau dan antarabangsa;
- Merangka pelan tindakan dan wadah untuk organisasi masyarakat sivil di peringkat tempatan, serantau dan antarabangsa untuk bekerjasama melaksanakan hak minoriti yang berkesan;
- Membangunkan cadangan-cadangan yang khusus untuk merapatkan jurang yang telah dikenalpasti berkaitan penambahbaikan dan keberkesanan mekanisme perlindungan minoriti di peringkat antarabangsa dan serantau berdasarkan pembentangan dan perbincangan sewaktu forum serantau.

Tarikh dan Lokasi

Tarikh: 14 – 15 Jun 2022

Perjumpaan atas talian.

Penyertaan

Penyertaan Forum Serantau Asia-Pasifik terbuka kepada wakil kerajaan; organisasi antara-kerajaan termasuklah agensi dan mekanisme Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB); institusi hak asasi manusia kebangsaan dan badan peringkat kebangsaan yang relevan; ahli akademik dan pakar isu etnik minoriti; wakil etnik minoriti dan organisasi masyarakat sivil yang bergerak khusus dalam isu etnik minoriti

Penyertaan juga dibuka kepada individu yang terlibat di dalam isu etnik minoriti di rantau Asia-Pasifik (rujuk senarai negara yang layak [di pautan ini](#)) dan mereka yang mempunyai tumpuan yang jelas dan berkepakaran di dalam hak-hak etnik minoriti.

Penyertaan boleh dilakukan secara atas talian [di pautan ini](#). Pendaftaran akan berakhir pada 11.00 malam CEST, Rabu 8 Jun 2022.

Para peserta digalakkan untuk memberikan cadangan-cadangan sebelum Forum Serantau Asia-Pasifik melalui regionalforum@tomlantosinstitute.hu sebelum Jumaat 10 Jun 2022. Semua cadangan bertulis yang diserahkan akan dikumpul dan dianggap sebagai sebahagian dari set cadangan terakhir yang akan dibincangkan sewaktu forum serantau.

Forum Serantau Asia-Pasifik akan dianjurkan secara maya. Maklumat tambahan untuk para peserta akan diberikan sebaik sahaja penyertaan telah disahkan beberapa hari sebelum acara bermula.

Tema Perbincangan

Berdasarkan objektif utama forum serantau ini, perbincangan akan memberi tumpuan kepada tema-tema berikut yang berpandukan kerangka dan piawaian perundangan hak asasi manusia antarabangsa:

1. Kerangka normatif (*Normative framework*): Norma dan tafsiran sedia ada.
2. Pelaksanaan: Institusi, mekanisma, polisi dan program.
3. Penglibatan golongan minoriti sebagai sebahagian dari prosedur dan hak serta amalan yang substantif.
4. Langkah Kehadapan: Reformasi terhadap Perlindungan dan Pelaksanaan Kerangka Hak Minoriti.

Hasil

Berdasarkan perbincangan dan sumbangan oleh peserta, hasil utama dari Forum Serantau Asia-Pasifik ini adalah sebuah dokumen yang mengandungi cadangan-cadangan yang praktikal berdasarkan konteks dan cabaran di rantau ini.

Terjemahan serentak akan disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu.

Terma Penafian

Sila rujuk dokumen asal dalam Bahasa Inggeris bagi maksud teks yang tepat.